

Tiada peruntukan kerusi 28 untuk PPP

17 NOV 1999
PUTRAJAYA 17 Nov. —
Parti Progresif Rakyat
(PPP) tidak akan bertanding
pada pilihan raya kali
ini kerana tidak ada kerusi
tambahan yang boleh diperuntukkan
kepada parti itu.

Keputusan itu dinyatakan oleh Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Presiden PPP, Datuk M. Kayveas dalam pertemuan mereka yang diadakan di sini, hari ini.

Menurutnya, Dr. Mahathir memberitahu beliau, kedudukan semua kerusi kekal seperti pilihan raya 1995 oleh itu tidak ada kerusi tambahan yang boleh diberikan kepada PPP.

Bagaimanapun, kata Kayveas, beliau berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri dan berjanji akan memberikan sokongan penuh kepada BN.

“Kerusi bukan isu, yang mustahak ialah sokongan kepada BN,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas pertemuan dengan Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, Kayveas meminta semua ahli PPP supaya tidak kecewa dan menerima keputusan pucuk pimpinan BN itu dengan hati yang terbuka.

Katanya, beliau bersetuju dengan keputusan serta alasan yang diberikan oleh Pengerusi BN itu dan berharap semua ahli PPP akan memberi sokongan penuh kepada BN walaupun tidak dapat peruntukan kerusi.

Beliau juga meminta ahli-ahli parti itu supaya tidak membuat sebarang kenyataan atau cuba mengatur pertemuan dengan Perdana Menteri berhubung isu itu.